

From: Center for Testing, Measurement and Appraisal (CeTMA)
Sent: Khamis, 16 Februari 2017 12:16 ptg
To: UUM - All Staff
Subject: Pasukan Penyelidik CeTMA Bentang Laporan Akhir Kajian Sumbangan Aktiviti Keusahawanan dalam Meningkatkan Pendapatan Ibu Tunggal di Kedah



Pusat Pengujian, Pengukuran & Penilaian
Center for Testing, Measurement & Appraisal (CeTMA)
Universiti Utara Malaysia

16 FEBRUARY 2017 / 19 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Pasukan Penyelidik CeTMA Bentang Laporan Akhir Kajian Sumbangan Aktiviti Keusahawanan dalam Meningkatkan Pendapatan Ibu Tunggal di Kedah



CeTMA Online: Pasukan penyelidik yang diketuai oleh Prof Madya Dr. Siti Hadijah Che Mat daripada Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) telah berjaya membentangkan laporan akhir kajian yang bertajuk "Contribution of Entrepreneurial Activity in Increasing Income Among Single Mothers in Kedah" pada 7 Februari 2017 yang lepas. Sesi pembentangan dipengerusikan oleh Pengarah CeTMA iaitu Prof. Madya Dr Russayani Ismail dan telah dinilai oleh dua orang penilai yang dilantik oleh pihak CeTMA iaitu Prof. Madya Dr. Norashidah Hashim daripada Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) dan Prof. Madya Dr. Norehan Abdullah daripada SEFB. Turut hadir dalam pembentangan tersebut ialah 2 orang lagi ahli penyelidik iaitu Dr. Zakiyah Jamaluddin dan Prof. Madya Dr. Mukaramah Harun. Kajian ini merupakan usahasama antara CeTMA dan Dhurakij Pundit Universiti (DPU), Bangkok. Hasil kajian ini akan dibuat perbandingan dengan kajian yang dijalankan oleh pasukan penyelidik daripada DPU bagi mendapatkan perbandingan kesan aktiviti keusahawanan dalam meningkatkan pendapatan ibu tunggal di Malaysia dan Thailand. Prof. Madya Dr. Norashidah Hashim turut berkata

kajian ini dapat memberi gambaran sebenar kadar kemiskinan terutamanya yang melibatkan ibu tunggal di Kedah dan berharap pasukan penyelidik dapat membuat kajian susulan bagi projek ini. Pihak CeTMA ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan penyelidik kerana telah berjaya menyiapkan laporan akhir tersebut dan penghargaan terima kasih kepada dua orang penilai yang dilantik atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke sesi pembentangan yang ditetapkan.

Sekian.

Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (Center for Testing, Measurement & Appraisal (CeTMA))

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +6049284981 | Fax: +6049284982



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.